

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus	446
	Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter	455
	Nurhazwani Saleh	
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka	462
	Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools	473
	Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance	481
	Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation	487
	Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership	493
	Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia	504
	Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani	511
	Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills	525
	Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT)	537
	Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum	546
	Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	

Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM

Nor Arinah Mohamed Zemudin

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
norarienazemudin@gmail.com

Muhammad Badri Ishak

badishak@gmail.com

Nurul Madiha Mohd Ilham

madihailham@gmail.com

Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi

ABSTRAK

Penggunaan teknologi dalam organisasi telah mengubah sistem, struktur serta tabiat manusia, sama ada secara peribadi mahupun cara mereka bekerja. Ia banyak memberikan impak kepada sistem komunikasi dalam sesebuah organisasi. Penggunaannya sangat membantu kerana tuntutan organisasi pada masa kini yang memerlukan pelbagai informasi serta maklumat dengan kadar yang cepat dan pantas selain memerlukan pemindahan maklumat yang melibatkan pelbagai jenis bentuk dan medium. Penggunaan teknologi maklumat juga mempengaruhi budaya kerja dalam organisasi. Menggunakan Teori Naturalisasi Media (Media Naturalness Theory) yang dipelopori oleh Ned Kock pada tahun 2001, kajian ini dilakukan untuk melihat impak penggunaan teknologi keatas budaya dalam kalangan kakitangan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur.

Kata kunci: kognitif, budaya kerja, teknologi maklumat, Teori Naturalisasi Media.

The use of technology in organizations has changed human systems, structures and habits, both personally and the way they work. It has a lot of impact on the communication system in an organization. Its use is very helpful because of the demands of today's organizations that require a variety of information and information at a fast and rapid rate in addition to requiring the transfer of information involving various forms and mediums. The use of information technology also influences the work culture in the organization. Using the Naturalness Media Theory by Ned Kock in 2001, this study was conducted to look at the impact of technology use on culture among staff at the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur

Key word: cognitive, work culture, information technology, Media Naturalization Theory

PENGENALAN

Teknologi maklumat terus bergerak ke hadapan seiring dengan perkembangan arus globalisasi dunia dan ia berjaya mempengaruhi perkembangan dan pembangunan Negara. Sejak beberapa tahun ini, Negara telah memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat (Abdul Talib & Jamaludin, 2003). Penggunaan teknologi maklumat ini penting dalam sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana ia dapat meningkatkan prestasi dan kecekapan

operasi, menjadikan sumber maklumat diuruskan dengan lebih sistematik dan pantas serta merupakan alat yang strategik untuk mencapai sesuatu objektif dalam organisasi.

Penggunaan teknologi sebenarnya telah banyak memberikan impak kepada sistem komunikasi dalam sesebuah organisasi. Malah, bukan sahaja dalam organisasi, teknologi telah banyak membantu manusia untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Kebolehan komputer dan pelbagai jenis perisian dalam mempercepatkan tempoh bekerja serta sistem telekomunikasi (Davenport dan Short, 1990) ahli dalam organisasi menjadi kerangka atau definisi awal kepada teknologi.

Budaya kerja menurut Brown (1998), ialah sebagai corak kepercayaan, nilai dan belajar cara-cara mengatasi dengan pengalaman yang telah dibangunkan dalam perjalanan sejarah organisasi, dan yang cenderung untuk dimanifestasikan dalam pengaturan bahan dan dalam tingkah laku ahli-ahlinya. Ini menunjukkan bahawa budaya kerja yang dinyatakan dalam organisasi adalah untuk membentuk cara bagaimana seharusnya ahli organisasi harus berkelakuan. Harrison (1993) mengatakan bahawa budaya kerja termasuklah kualiti organisasi tersebut dengan memberikan iklim dan rasa yang tertentu. Hasil daripadanya sifat-sifat yang berbeza antara organisasi boleh ditunjukkan melalui empat dimensi iaitu kuasa, peranan, pencapaian dan sokongan. Budaya juga merupakan sebuah sistem pengetahuan, standard untuk memahami, percaya, menilai dan bertindak sebagai fungsi untuk menghubungkan masyarakat manusia ke pengaturan lingkungan mereka (Robbins, 2003).

Arnold (2005) menunjukkan bahawa budaya kerja terdiri daripada gabungan antara norma, kepercayaan, prinsip dan cara berkelakuan yang berbeza serta ia mampu memberikan setiap organisasi watak berbeza. Budaya kerja mencipta andaian iaitu sesuatu perkara yang diterima sebagai satu cara untuk melakukan sesuatu dan disampaikan kepada ahli-ahli baru dalam sesebuah organisasi. Antara fungsi utama budaya kerja juga adalah untuk menentukan cara untuk melakukan sesuatu untuk memberi makna kepada kehidupan organisasi.

Dengan menggunakan Teori Kenaturulan Media yang diasaskan oleh Ned Kock pada tahun 2001, kajian kami akan memfokuskan kepada impak penggunaan teknologi maklumat dari aspek kognitif. Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan di organisasi Forest Research Institute Malaysia (FRIM) bagi mengenal pasti hubungan di antara impak penggunaan teknologi maklumat dari aspek kognitif, dalam kalangan kakitangan FRIM.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas organisasi FRIM untuk menjawab persoalan, sejauhmanakah hubungan antara impak penggunaan teknologi maklumat dari aspek kognitif mempengaruhi budaya kerja dalam kalangan kakitangan FRIM?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya dilakukan bagi mengenalpasti hubungan di antara impak penggunaan teknologi maklumat dengan budaya kerja dalam kalangan kakitangan FRIM. Secara khususnya kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti hubungan antara impak teknologi maklumat dari aspek usaha kognitif dengan budaya organisasi dalam kalangan kakitangan FRIM.

PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI ORGANISASI

Teknologi maklumat merupakan unsur teknologi yang ada kaitan dengan proses mengendali informasi yang mengandungi maklumat tentang sesuatu dalam bentuk teks, imej, video dan audio. Melihat kepada tuntutan dan keadaan organisasi pada masa kini, yang memerlukan pelbagai informasi serta maklumat dengan kadar yang cepat dan pantas, pemindahan maklumat dalam

organisasi tidak lagi sekadar tertakluk kepada pemindahan teks semata-mata, malah melibatkan pelbagai jenis bentuk dan medium (Zulkiple Abd Ghani, 2001).

Tusubira dan Mulira (2004) menyatakan bahawa di peringkat organisasi, penggunaan teknologi maklumat telah diterima secara meluas. Malah, pengintegrasian teknologi maklumat dalam fungsi organisasi dianggap penting terutamanya dalam proses meningkatkan kecekapan operasi serta nilai berdaya saing. Teknologi maklumat juga dianggap sebagai satu alat untuk transofmasi organisasi yang lebih baik. Penggunaan teknologi maklumat memerlukan proses yang menyeluruh dalam gerak kerja pengurusan organisasi supaya visi dan misi organisasi dapat dicapai. Organisasi juga harus menyediakan satu kaedah dan polisi yang sistematik untuk mengimplementasikan teknologi maklumat dalam sistem, prosedur dan tingkahlaku organisasi.

Penerimaan teknologi maklumat dalam pengurusan organisasi ini turut disokong oleh Abdul Talib dan Jamaludin (2003) dalam kajian mereka. Teknologi maklumat dikatakan data menyediakan kemudahan dan membantu pihak pengurusan untuk memahami sesuatu aspek pengetahuan berkaitan teknologi yang dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi. Teknologi maklumat juga berperanan sebagai penghubung di antara organisasi dengan pihak berkepentingan yang lain. Maka, pihak pengurusan harus peka kepada setiap perubahan yang berlaku dalam organisasi memandangkan teknologi maklumat turut berfungsi sebagai agen perubahan organisasi di mana ia memerlukan penglibatan kemahiran pekerja, aktiviti seharian pengurus dan kebolehan organisasi untuk bertindak balas dengan keperluan pelanggan.

Penggunaan teknologi maklumat dikatakan mempunyai impaknya yang tersendiri kepada usaha atau elemen kognitif dalam organisasi. Bloom (1956) mendefinisikan kognitif sebagai kemampuan intelektual dalam berfikir, mengetahui dan menyelesaikan masalah yang terdiri daripada enam elemen iaitu pengetahuan, pemahaman, penerapan, analisis, sintesa dan evaluasi. Bresnahan et al. (1999) pula menyatakan teknologi maklumat akan memberi impak dari segi kognitif melalui elemen pendidikan dan pengalaman. Ini bermakna, penggunaan teknologi maklumat telah memberi satu perspektif baru dalam sesebuah organisasi iaitu keperluan kepada pekerja yang mempunyai pendidikan yang tinggi sama ada formal atau tidak formal untuk memenuhi elemen kognitif ini.

BUDAYA KERJA DI ORGANISASI

Menurut Rice dan Leonardi (2012), salah satu ciri-ciri budaya kerja yang berkaitan dengan teknologi maklumat ialah penyerapan kapasiti (absorptive capacity) iaitu keupayaan organisasi untuk mengiktiraf nilai maklumat baru, mengasimilasikan dan mengaplikasikan pada nilai komersial. Penggunaan teknologi maklumat dikatakan ada kesannya terhadap perubahan dalam budaya kerja dari aspek merubah pola komunikasi organisasi, merubah corak kebiasaan kerja dan membentuk kembali proses dan struktur organisasi.

Penerimaan teknologi yang membawa kepada penggunaan teknologi maklumat di organisasi menggambarkan bahawa warga organisasi boleh menerima perubahan dalam organisasi yang juga satu perubahan kepada budaya kerja. Organisasi yang menggalakkan perubahan dalam organisasi akan menyediakan peralatan dan persekitaran yang kondusif khususnya dalam proses implementasi teknologi maklumat berjaya dalam sesebuah organisasi seiring dengan konsep kognitif. Ini disokong oleh Zakaria et al. (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa apabila elemen kognitif dipenuhi yakni warga organisasi mempunyai pendidikan, pengetahuan dan mampu menerima, jadinya budaya kerja tidak menjadi masalah dalam proses implimentasi penggunaan teknologi baru.

TEORI NATURALISASI MEDIA


Teori ini diasaskan oleh Ned Kock pada tahun 2001. Pada awalnya, teori ini merupakan lanjutan daripada Teori Kekayaan Media (Media Richness Theory) yang diasaskan oleh Daft dan Lengel pada tahun 1984. Teori ini dibangunkan berasaskan dengan teori evolusi Darwin, yang mana

sesuai dengan teori-teori sosial yang sedia ada mengenai tabiat manusia terhadap penggunaan alat komunikasi elektronik. Teori ini mempunyai lima elemen penting; yang mana ingin melihat sejauh mana darjah kebersamaan-lokasi antara ahli yang berkomunikasi. Kedua, melihat darjah keseragaman. Ketiga, melihat kebolehan individu memahami ekspresi wajah. Keempat, melihat kebolehan individu memahami bahasa badan. Dan yang kelima, melihat kebolehan individu memahami serta mendengar terhadap komunikasi verbal.

Selain itu, Kock berpendapat, dengan menggunakan kaedah komunikasi pada masa kini, yang banyak menggunakan pelbagai jenis media, telah meningkatkan usaha kognitif dalam diri seseorang. Hal ini kerana pada masa dahulu manusia sudah terbiasa dengan komunikasi secara bersemuka, namun dengan terciptanya pelbagai jenis media, manusia sudah tidak perlu bersemuka untuk berkomunikasi. Namun, lebih banyak usaha kognitif terpaksa digunakan untuk memahami maksud komunikasi, yang manakomunikasi yang tidak secara bersemuka ini boleh menimbulkan pelbagai maksud, kepada setiap individu yang berbeza.

Sehubungan dengan teori ini, kerangka teoritikal kajian telah dibina menggunakan hipotesis awal yang dikeluarkan oleh Ned Kock melalui teori ini. Dalam kerangka ini, hipotesis awal yang terdiri daripada usaha kognitif. Hipotesis ini telah membentuk pemboleh ubah bebas yang mana menjadi asas paling penting dalam kajian ini. Manakala pemboleh ubah bersandar pula terdiri daripada nilai, symbol dan perbezaan. Melalui kedua-dua pemboleh ubah ini membentuk objektif utama kajian ini; yang mana ingin mengkaji hubungan di antara teknologi maklumat dengan budaya kerja dalam kalangan kakitangan FRIM.

KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka teoritikal kajian

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara bersemuka iaitu menggunakan borang soal selidik dengan teknik serah dan kutip. Kajian ini diadakan di Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) di Kepong. Responden terdiri daripada pelbagai peringkat usia. Lokasi kajian tertumpu di bangunan Bioteknologi Hutan, Biodiversiti dan Pusat Penemuan Ubat- Ubatan FRIM. Enam puluh keping borang soal selidik akan diedarkan kepada responden. Instrumen diukur bersama dengan skala Likert 5-poin yang digunakan untuk mengukur angkuh bergantung dan bebas (Sekaran, 2006). Soalan yang ditanyakan adalah berbentuk soalan tertutup.

HASIL KAJIAN

Item pemindahan maklumat lebih cekap mencatatkan nilai yang paling tinggi (min :4.40, s.p: 0.495). Manakala item membantu dalam aspek pendidikan mencatatkan nilai kedua tertinggi (min : 4.36, s.p : 0.485). Nilai min yang sangat tinggi dalam kedua-dua item ini menunjukkan bahawa

responden sangat bersetuju bahawa penggunaan teknologi sangat membantu dari aspek pemindahan maklumat dan pendidikan dalam organisasi.

Item Kognitif	Min	S.P.
Membantu dalam aspek pendidikan	4.36	.485
Pemindahan maklumat lebih cekap	4.40	.495
Membantu memahami dan keterlibatan dalam komunikasi	4.16	.681
Membantu memahami maklumat dalam satu lokasi	4.16	.548
Berfikir sebagai sebahagian daripada organisasi	3.92	.566
Menghasilkan kerja yang berinovasi	3.96	.450
Meningkatkan kecekapan dan kemahiran kerja	3.92	.900
Membantu meningkatkan produktiviti	4.04	.450
Rasa puas menjalankan tugas	3.96	.450

Rajah 2: Min Keseluruhan Impak Penggunaan Teknologi Maklumat

Impak penggunaan teknologi maklumat secara umum dan perubahan lanskap organisasi dalam kalangan kakitangan FRIM adalah positif ($r = .566$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa impak penggunaan teknologi maklumat mempunyai hubungan positif dengan budaya kerjadalaman kakitangan FRIM. Ini disokong oleh Davies (2010) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa perubahan budaya dan perubahan dalam aspek implementasi teknologi maklumat berjalan seiring. Ini bermakna, jika adanya penggunaan teknologi maklumat, maka secara tidak langsung, perubahan budaya kerja dalam organisasi akan turut berubah. Dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi penggunaan teknologi, semakin tinggi impak terhadap budaya kerja.

Pembolehubah	Budaya dan Lanskap Organisasi
Impak Penggunaan Teknologi Maklumat	.566**

Nota: ** korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Rajah 3: Pekali Korelasi di antara Impak Penggunaan Teknologi Maklumat dan Budaya kerja dalam kalangan kakitangan FRIM

Impak penggunaan teknologi maklumat dari aspek kognitif dengan budaya kerja dalam kalangan kakitangan FRIM adalah positif ($r = .464$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa impak penggunaan teknologi maklumat dari aspek usaha kognitif mempunyai hubungan positif dengan budaya kerja dalam kakitangan FRIM. Ia disokong oleh Zakaria et al. (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa apabila elemen kognitif dipenuhi yakni warga organisasi mempunyai pendidikan, pengetahuan dan mampu menerima, jadinya budaya kerja tidak menjadi masalah dalam proses implimentasi penggunaan teknologi baru. Dapat disimpulkan, semakin tinggi impak penggunaan teknologi dari aspek usaha kognitif, semakin tinggi kesannya budaya kerja.

Pembolehubah	Budaya dan Lanskap Organisasi
Kognitif	.464**

Nota: ** korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Rajah 4: Pekali Korelasi di antara Impak Penggunaan Teknologi Maklumat dan Budaya kerja dari aspek usaha kognitif dalam kalangan kakitangan FRIM

KESIMPULAN

Kajian lapangan yang telah dilakukan di FRIM ini membantu organisasi ini untuk membangunkan aspek teknologi maklumat kerana dapatan kajian menunjukkan penggunaan teknologi maklumat mempunyai hubungan yang signifikan dengan budaya kerja organisasi. Hal ini menggambarkan jika penggunaan teknologi maklumat adalah tinggi, budaya kerja organisasi akan turut meningkat. Justeru, hasil dapatan daripada kajian ini membolehkan FRIM memperbaiki dan menyediakan kemudahan teknologi maklumat yang baik kepada para pekerjanya bagi membolehkan terbentuknya budaya kerja organisasi yang baik.

RUJUKAN

- Arnold, J. 2005. *Work Psychology: Understanding Human Behaviour in the Workplace*. Edisi ke-2. London: Prentice Hall Financial Times.
- Bloom, B.S. 1956. *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*. New York: David McKay.
- Bresnahan, T.F., Brynjolfsson, E. & Hitt, L.M. 1999. Information Technology and Recent Changes in Work Organization Increase the Demand for Skilled Labor. *The Quarterly Journal of Economics*, MIT Press, 117(1): 339-376.
<http://www.stanford.edu/~tbres/research/Brookings%20volume.pdf>
- Brown, A. 1998. *Organisational Culture*. Edisi ke-2. London: Financial Times Pitman Publishing.
- Hayati Abdul Talib dan Khairur Rijal Jamaludin. 2003. Aplikasi teknologi maklumat (IT) dalam pengurusan organisasi: sorotan kajian. *Jurnal Teknikal dan Kajian Sosial*, 1(2): 89- 105.
<http://eprints.utm.my/9898/>
- Harrison, R. 1993. *Diagnosing Organizational Culture: Trainer's Manual*. Amsterdam: Pfeiffer & Company.
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
- Kock, N. 2002. "Evolution and Media Naturalness: A Look at E-Communication through a Darwinian Theoretical Lens". ICIS2002 Proceedings. Paper 34.
<http://aisel.aisnet.org/icis2002/34>.
- Kock, N. 2005. Media Richness or Media Naturalness? The Evolution of Our Biological Communication Apparatus and Its Influence on Our Behaviour Toward E-Communication Tools. *IEEE Transactions on Professional Communication*. 48(2) : 117-130.
http://cits.tamtu.edu/kock/pubs/journals/2005journalieeetpc2/kock2005_jeetpc.pdf
- Rice, R.E. & Leonardi, P.M.. Information and Communication Technology Use in Organizations. In L.L Putnam & D. K. Mumby (Eds.) *The Sage Handbook of Organizational Communication*. New Delhi: Sage Publication.
- Sekaran, U. 2006. *Research methods for business. A skill building approach*. (Edisi ke-6). United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Tusubira, F.F. & Mulira, N. 2004. Integration of ICT in organisations: Challenges and best practice recommendations based on the experience of Makerere University and other organizations. Kertaskerja seminar 'Universities: Taking a leading role in ICT enabled human development'. Kampala, Uganda, 6-8 September 2004.
- Zulkiple Abd.Ghani. 2001. *Islam, komunikasi dan teknologi maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.